

CNS4339

R GB 19-09 00156 BH867

bah

MAHATHIR JELAS ISU BAHASA

Mahathir - Bahasa

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri berkata usaha untuk mengembangkan Bahasa Melayu tidak boleh dilakukan dengan cara menyekat penggunaan Bahasa Inggeris tetapi dengan orang Melayu sendiri mengejar kemajuan dan kejayaan.

Beliau berkata bahasa petani dan nelayan miskin tidak akan berkembang walau bagaimana halus dan tinggi bahasa mereka itu.

+Bagaimanapun bahasa bangsa Melayu yang maju, berjaya, berilmu, berkemampuan dalam semua bidang, berkebolehan tinggi dalam bidang politik, ekonomi dan pentadbiran, akan dipelajari dan digunakan bukan sahaja oleh orang Melayu tetapi juga oleh orang lain+, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata demikian dalam suratnya kepada pengarang akhbar Utusan Malaysia yang disiarkan hari ini sebagai menjawab kritikan akhbar itu yang dikatakannya tidak sehang dengan pendirian beliau mengenai Bahasa Inggeris.

+Kita harus menentukan yang mana yang patut diutamakan dan didahulukan, kebangsaan Bahasa atau kebangsaan bangsa,+ katanya. -- Lagi

▼19/09/16-38MST

CNS4341

R GB 19-09 00165 BH868

bah

Mahathir - Bahasa 2 Kuala Lumpur

+Bagi saya untuk memajukan bahasa, kita harus memajukan bangsa dahulu. Ini kerana keutamaan mutlak kepada bahasa mungkin melambatkan kemajuan bangsa Melayu+.

Perdana Menteri berkata: +kita tidak disuruh gugurkan bahasa, tetapi kita tidak harus terlalu fanatik berkenaan dengan kefasihan dan keutamaan bahasa sehingga kita sukar menuntut ilmu untuk memajukan bangsa kita dalam dunia yang penuh persaingan.+

Sekiranya mereka mundur, ini mungkin mengecewakan mereka sehingga mereka sendiri akan hilang kebanggaan terhadap bahasa mereka, tambah beliau.

Katanya debat tentang isu bahasa (yang diberi tumpuan oleh Utusan sejak kebelakangan ini) bermula dengan cadangan supaya iklan dalam bahasa Inggeris dihentikan dan pihak lain menyusul pula dengan cadangan supaya berita bahasa Inggeris, ucapan dalam bahasa Inggeris dan lain-lain lagi dalam bahasa Inggeris juga harus dihentikan.

Beliau berkata mungkin ada kes bagi menentang iklan dalam bahasa Inggeris, tetapi jika yang lain-lain juga dihentikan, ia akan mempunyai kesan terhadap penguasaan bahasa Inggeris. -- Lagi

▼19/09/16-41MST

CNS4343

R GB 19-09 00206 BH869

bah

Mahathir - Bahasa 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata penggunaan bahasa Inggeris bukan kerana rakyat negara ini dijajah oleh bangsa itu tetapi kerana bahasa itu sudah menjadi bahasa antarabangsa.

Beliau memberi contoh negara Jepun yang suatu masa dahulu cuba memperluaskan kegunaan Nippon-go secara eksklusif tetapi hari ini terpaksa menggunakan bahasa Inggeris.

Kita tidak perlu berasa terjajah apabila mempelajari atau menggunakan bahasa Inggeris, tegas beliau sambil menambah daripada menterjemah berjuta-juta buku, jurnal dan laporan kajian bahasa Inggeris ke bahasa kebangsaan untuk menimba ilmu, proses yang lebih cepat dan mudah ialah dengan mempelajari bahasa Inggeris.

Beliau berkata keputusan peperiksaan menunjukkan pelajar Melayu amat lemah dalam bahasa Inggeris sementara pelajar bukan Melayu yang perlu menguasai tiga bahasa, didapati lebih berjaya.

Perdana Menteri kluatir satu masa kelak orang Melayu terpaksa bergantung kepada bukan Melayu sebagai jurubahasa untuk bercakap dengan orang asing mengenai urusan kerajaan dan perniagaan dan ketika itu mereka tidak boleh merasa kecewa sekiranya mereka tidak tahu terjemahan itu tepat atau sebaliknya.

+Akhirnya orang Melayu akan ketinggalan di dalam negeri dan peringkat antarabangsa dan hanya dalam penggunaan bahasa sendiri sahaja mereka akan menjadi juara, tetapi sebagai satu bangsa mereka tidak berjaya+, katanya.
-- Bernama

▼19/09/16-43MST